

D645

U B402 AAB  
MAHATHIR - TOL R R R

MELAKA, 3 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KADAR TOL YANG DIKENAKAN DI KM 8, JALAN CHERAS, ADALAH MUKTAMAD DAN TIDAK AKAN DIKURANGKAN KERANA JUMLAH YANG DIKENAKAN BERPATUTAN DAN MENGUNTUNGAN PARA PENGGUNA.

BELIAU BERKATA KADAR \$1 BAGI KENDERAAN RINGAN DAN \$2 BAGI KENDERAAN BERAT ADALAH RENDAH KALAU DIBANDINGKAN DI NEGARA LAIN YANG TERPAKSA MEMBAYAR \$1 BAGI 1KM.

KADAR ITU MULA DIKENAKAN SABTU LEPAS DAN MENDAPAT BANTAHAN PARA PENDUDUK DI KAWASAN ITU. JALAN DI SITU TELAH DIPERBESARKAN BAGI MENGATASI MASALAH KESESAKAN LALULINTAS.

BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MAJLIS SATU PERHIMPUNAN DI PUSAT EKSPLO, AIR KEROH DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PARA PENGGUNA YANG BETUL-BETUL MEMBUAT PERKIRAAN AKAN MENDAPATI BAHAWA KADAR ITU MENJIMATKAN PERBELANJAAN.

+JALAN LAMA YANG DIGUNAKAN ADALAH SESAK DAN MUNGKIN MENYEBABKAN PERBELANJAAN YANG BANYAK TANPA DISEDARI SEPERTI BANYAK MENGGUNAKAN MINYAK DAN WAKTU TERBUANG,+ KATANYA. -- LAGI  
2024MST 03 09 90

D646

U B403 AAB  
MAHATHIR - TOL 2 MELAKA

KADAR YANG DIKENAKAN SEKARANG BUKANLAH MEMBEBAKANKAN MEREKA KERANA PARA PENGGUNA BOLEH SAMPAI KE DESTINASI DENGAN CEPAT DENGAN MENGGUNAKAN MINYAK YANG KURANG, KATANYA.

DITANYA KEMUNGKINAN KADAR ITU AKAN MENJEJASKAN UNDI KEPADA BARISAN NASIONAL, DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA SEGALA SUBSIDI YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN BUKANLAH UNTUK MEMANCIING UNDI.

KATANYA APA YANG KERAJAAN BUAT BUKANLAH UNTUK MEMANCIING UNDI KERANA APA YANG PERLU DIBUAT AKAN DIBUAT DAN WANG KERAJAAN AKAN DISALAHGUNAKAN KALAU SESUATU DIBUAT ITU UNTUK MEMANCIING UNDI. --  
BERNAMA  
2026MST 03 09 90